

Manifesto: Tradisi Membela Rakyat

BH 18 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional (BN) akan mengemukakan manifestonya berbunyi 'Tradisi Membela Rakyat' dalam pilihanraya umum akan datang.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun slogan manifestonya bertukar setiap kali pilihanraya, amalan Bersih, Cekap dan Amanah di negara ini tetap diteruskan.

Katanya, pada dasarnya manifesto itu dipersejajuti oleh jawatankuasa membentuk manifesto yang dianggotai oleh wakil-wakil parti komponen BN.

Beliau menjelaskan, "Tradisi Membela Rakyat" menunjukkan bahawa tradisi perjuangan BN ialah membela rakyat bukan hanya untuk satu kaum sahaja.

Di sidang akhbar selepas mempengerusikan sidang Dewan Tertinggi

BN di sini petang ini, beliau mengakui masih ada beberapa perkara yang belum selesai mengenai manifesto itu.

Peluang

"Hanyalah beberapa perkara kecil yang perlu diselesaikan secara muhibah," katanya menjawab soalan pemberita.

Ditanya mengenai peluang BN memenangi pilihanraya kali ini, Datuk Seri Dr Mahathir berka-

ta, beliau yakin ia akan memenangi majoriti dua pertiga atau lebih daripada itu.

"Saya yakin rakyat negara ini mahukan kerajaan yang stabil," katanya.

Mengenai pembahagian kerusi, Perdana Menteri berkata, formula yang digunakan oleh BN ialah menjamin keadilan kepada parti-parti komponen.

Katanya, dalam menentukan parti mana yang akan bertanding di satu-satu kawasan, bilangan penduduk dan kaum di kawasan itu diambil kira.

"Ini bertujuan memastikan kemenangan calon Barisan Nasional yang bertanding di situ," tambahnya.

Selain itu, peratusan keseluruhan penduduk negeri dan penerimaan masyarakat terhadap sesebuah parti komponen juga dijadikan asas pembahagian kerusi.

"Tahap khidmat sesebuah parti di kawasan yang diwakilinya juga diambil kira," katanya.